



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Malaysia Deposit Insurance Corporation



RANCANGAN KORPORAT 2009-2011



MUKA DEPAN

Salini a/p Selvaraju, berumur 12 tahun, adalah anak kepada kakitangan PIDM yang baru-baru ini telah memperolehi skor 5A dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah ("UPSR") 2008. Meskipun memiliki sumber yang terhad, Salini mencapai kejayaan ini melalui tekad dan ketabahan beliau, serta dibimbing oleh dorongan dan kasih sayang ibu bapanya. Seorang pelajar S.K. Puteri Pandan (1), Kuala Lumpur, Salini bercita-cita untuk menjadi seorang guru agar beliau dapat membantu kanak-kanak yang lain mencapai potensi mereka sepenuhnya.


Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") mencapai kemajuan ketara pada 2008. Dalam Rancangan Korporat 2006-2008, kami berwawasan bahawa kami akan diiktiraf sebagai penginsurans deposit paling efektif di Asia Tenggara menjelang 2008 dan diperakui sebagai salah satu daripada peneraju penginsurans deposit utama di dunia menjelang 2010.

Hari ini, kami berbangga untuk melaporkan bahawa kami telah mencapai visi tersebut.

Kami meneliti asas inspirasi kami untuk maju ke masa hadapan dan justeru itu, visi baru kami adalah untuk menjadi:

"Penginsurans deposit amalan terbaik"

Kami berhasrat menjadi penginsurans deposit amalan terbaik dalam keseluruhan rangkuman operasi kami; daripada tadbir urus, pengurusan risiko, operasi dan pentadbiran, penjenamaan dan komunikasi, serta pembangunan modal insan.



PIDM mengutamakan pengurusan bertanggungjawab dalam setiap aspek operasi kami. Ini jelas terbukti daripada penggunaan kertas mesra alam yang dipilih khas untuk penerbitan Rancangan Korporat ini. Kertas ini disahkan oleh Forest Stewardship Council ("FSC"), badan antarabangsa yang menyokong piawaian yang tertinggi dalam pengurusan hutan.

Visi Kami	<ul style="list-style-type: none"> • Penginsurans deposit amalan terbaik.
Misi Kami	<ul style="list-style-type: none"> • Kami akan melindungi deposit Islam dan konvensional, menyediakan insentif bagi memantapkan pengurusan risiko, serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan di Malaysia. Kami akan memenuhi mandat kami dengan cara yang efisien dan efektif, bagi manfaat pendeposit, dengan mengambil kira kepentingan kakitangan dan pemegang kepentingan yang lain.
Teras Strategik Kami	<ul style="list-style-type: none"> • Kesediaan operasi. • Amalan urus niaga dan kewangan yang mantap. • Kesedaran awam yang efektif. • Perkongsian yang kukuh.
Objektif Korporat Kami	<ul style="list-style-type: none"> • Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik. • Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat. • Perkongsian efektif. • Penggunaan sumber yang optimum. • Kecemerlangan operasi. • Tenaga kerja yang berpengetahuan dan kompeten. • Persekitaran korporat yang kondusif.
Nilai Korporat Kami	<ul style="list-style-type: none"> • Kecemerlangan dan Profesionalisme. • Hormat dan Adil. • Integriti dan Kebolehpercayaan. • Komunikasi dan Kerja Berpasukan. • Pengelolaan Kewangan.



PENCAPAIAN UTAMA SEJAK PENUBUHAN

Sejarah Kami

Operasi kami bermula pada Ogos 2005. Dalam tempoh yang singkat ini, kami telah banyak mencapai kemajuan ketara. Kami telah membangunkan asas bagi sebuah institusi sektor awam yang ditadbir dan diurus dengan baik, dan menyempurnakan inisiatif operasi kami sejajar dengan rancangan urus niaga kami.

Pencapaian Utama

2005 Tahun Penubuhan Kami	<ul style="list-style-type: none">• Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 ("Akta PIDM") berkuatkuasa pada 11 Ogos 2005.• Menubuhkan Lembaga Pengarah ("Lembaga") dengan semua Pengarah Bukan Eksekutif. Tiga Jawatankuasa Lembaga dibentuk dan memulakan tugas.• Membangun dan menubuhkan Visi, Misi dan Nilai Korporat Perbadanan.• Membentuk struktur dan pelan organisasi kami.
2006 Membina Asas yang Kukuh	<ul style="list-style-type: none">• Melaksanakan polisi tadbir urus utama termasuk Kod Tata Laku Urus Niaga dan Etika, Polisi bagi Pendedahan Salah Laku di Tempat Kerja, dan khususnya, Polisi Tadbir Urus Lembaga, yang menggariskan jangkaan jelas antara peranan Lembaga Pengarah dan Pengurusan.• Berusaha meningkatkan kesedaran awam menerusi pelbagai aktiviti.• Menganjurkan mesyuarat Majlis Eksekutif Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa ("IADI") dan bergiat aktif menyertai acara dan mesyuarat antarabangsa. Juga menjadi Ahli Bersekutu Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam ("IFSB").• Bekerjasama rapat dengan rakan kongsi kami; memeterai Perjanjian Perikatan Strategik dengan Bank Negara Malaysia ("BNM"), melibatkan institusi anggota kami sebagai rakan kongsi untuk mewujudkan kesedaran awam yang lebih tinggi tentang insurans deposit dan merangka polisi untuk berunding dengan pemegang kepentingan sebelum mengeluarkan polisi atau peraturan insurans deposit.• Memperjelaskan rangka kerja dan konsep utama termasuk audit dalaman, Pengurusan Risiko Organisasi ("ERM") dan Sistem Premium Berbeza ("DPS").• Membangunkan rangka kerja utama berkaitan dengan aktiviti penilaian risiko, pemantauan dan pembayaran semula deposit.• Melaksanakan sistem perakaunan yang baru dan komprehensif.• Mengeluarkan peraturan utama untuk pelaksanaan Akta PIDM termasuk Garis Panduan bagi Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Garis Panduan mengenai Keperluan Pendedahan bagi Akaun Bersama dan Akaun Amanah.• Membina pasukan organisasi kami dan membentuk strategi modal insan serta polisi modal insan utama, termasuk polisi penggajian dan manfaat dan polisi pengurusan prestasi.
2007 Membina atas Kekuatan Kami	<ul style="list-style-type: none">• Susulan audit pengurusan pada 2007, kami menerima penarafan yang tertinggi dan anugerah daripada juruaudit luar kami, Jabatan Audit Negara.• Dianugerahkan "<i>Certificate of Merit</i>" oleh Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan ("NACRA") bagi Laporan Tahunan 2006 kami.• Membangunkan rangka kerja pelapis pengurusan bagi Lembaga Pengarah dan Pengurusan.

2008
Berkembang
Kukuh
daripada
Kekuatan

- Mengendalikan empat sesi pendidikan rasmi untuk Lembaga Pengarah dan orientasi bagi Pengarah baru.
- Membina pangkalan rakan kongsi strategik.
- Bekerja rapat dengan Kementerian Kewangan, BNM, institusi anggota, pengawal selia kewangan dan agensi Kerajaan yang lain.
- Melaksanakan Fasa 1 Rancangan Komunikasi Bersepadu pelbagai tahun.
- Menumpukan kepada aktiviti untuk meningkatkan kesedaran awam tentang insurans deposit dan PIDM, termasuk menganjurkan Pameran Kewangan Malaysia 2007 dan menjadi tuan rumah bagi Persidangan Tahunan IADI Ke-6.
- Melaksanakan Rangka Kerja Penilaian Risiko dan Pemantauan.
- Menubuhkan rangka kerja bagi pengurusan komunikasi krisis.
- Mengeluarkan lima kertas perundangan (berkaitan dengan Garis Panduan mengenai Kriteria bagi Menentukan Deposit yang Diinsuranskan, draf peraturan bagi Peruntukan Maklumat mengenai Insurans Deposit, draf peraturan bagi DPS, draf peraturan Terma dan Syarat Keanggotaan dan cadangan bagi mencapai pengesahan kebolehuatkuasaan peruntukan penjelasan penamatan bersih dalam transaksi derivatif).
- Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Liabiliti Aset dan Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat.
- Melaksanakan mekanisme maklum balas 360 darjah bagi Pengurusan.
- Melaksanakan Polisi Gangguan di Tempat Kerja.
- Memindahkan pejabat kami ke Kuala Lumpur Sentral.

- Mengetuai penubuhan Kumpulan Insurans Deposit Islam di IADI.
- Membangun dan melaksanakan proses pengauditan berasaskan risiko.
- Menganjurkan seminar Insurans Deposit Islam antarabangsa.
- Mengendalikan sesi taklimat dan perkongsian pengetahuan dengan pemegang kepentingan utama.
- Meneruskan pelaksanaan Rancangan Komunikasi Bersepadu.
- Mengekalkan hubungan kerjasama erat dengan BNM dan badan kawal selia lain.
- Terus membina dan menjalinkan hubungan baik dengan badan Kerajaan berkaitan, institusi anggota, penyedia perkhidmatan dan penginsurans deposit lain.
- Menyemak semula dan meningkatkan sistem pemantauan dan pelaporan bajet.
- Mengeluar dan melaksanakan Peraturan-peraturan DPS, Peraturan-peraturan Terma dan Syarat Keanggotaan dan Pengecualian di bawah Seksyen 80(h) Akta PIDM (Perjanjian atau Transaksi Kewangan).
- Mengeluarkan Garis Panduan bagi Penyata Jumlah Deposit Diinsuranskan.
- Melaksanakan Sistem Penilaian Risiko.
- Membangunkan Rangka Kerja Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan.
- Memulakan pembangunan Sistem Pembayaran Semula Deposit.
- Meningkatkan infrastruktur IT bagi memperkasakan pengguna.
- Membangun dan melaksanakan rangka kerja pengurusan bakat dan model kecekapan.
- Mengendalikan tiga sesi pendidikan Lembaga Pengarah.
- Melaksanakan pelan tenaga pelapis Lembaga Pengarah.
- Memulakan pelaksanaan perancangan tenaga pelapis bagi pengurusan kanan berasaskan kepada rangka kerja yang diluluskan.



ISI KANDUNGAN

Pengenalan	1
Pendekatan Perancangan Korporat Kami	2
Rangka Kerja Pengurusan Strategik	3
Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi	4
Teras Strategik	5
Objektif Korporat	6
Peta Strategi dan Prestasi Korporat	8
Pencapaian Kami pada 2008	9
Imbasan <i>Scorecard</i> Korporat 2008	13
Kewangan 2008: Unjuran Berbanding Bajet	15
Rancangan Kami untuk Masa Hadapan	17
Persekitaran Operasi	18
Jaminan Deposit Kerajaan	18
Peranan PIDM dalam Jaminan Deposit Kerajaan	18
Kesan kepada PIDM	18
Risiko Utama	19
Andaian Perancangan Utama	21
Hala Tuju Strategik bagi 2009-2011	22
<i>Scorecard</i> Korporat 2009-2011	22
Rancangan Kewangan	25
Kesimpulan	29
Halangan Pencapaian Rancangan Korporat	30
Ringkasan	30
Lampiran: Mengenai PIDM	31
Perbadanan Kami	32
Mandat Kami	32
Lembaga Pengarah	33
Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif	34
Hubungi Kami	35

Rancangan Korporat 2009-2011 Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) menggariskan hala tuju strategik, tumpuan dan keutamaan kami bagi tempoh tiga tahun yang akan datang. Hala tuju strategik kami adalah berasaskan kepada penilaian kami terhadap persekitaran operasi, risiko yang dijangkakan dan cabaran semasa tempoh perancangan. Kami telah mengguna pakai rangka kerja pengurusan strategik komprehensif yang menerapkan penilaian risiko utama kami menggunakan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi (“ERM”). Rancangan Korporat ini membimbing kami dalam memenuhi mandat kami dengan efektif serta usaha kami untuk menjayakan Visi kami: menjadi penginsurans deposit amalan terbaik.

Pencapaian Kami

Dalam tempoh yang singkat, kami percaya bahawa kami telah mencatatkan kemajuan ketara. PIDM kini diperakui sebagai salah satu penginsurans deposit yang paling efektif di dunia; oleh badan serantau dan antarabangsa. Susur atur Rancangan kami sedang berjalan seperti yang dirancang.

Jaminan Deposit Kerajaan

Sepanjang tahun ini, keseluruhan persekitaran operasi mengalami perubahan besar, dengan isu-isu yang mencabar dalam pasaran dan persekitaran luar. Perubahan baru-baru ini dalam landskap kewangan global telah menjana beberapa siri langkah oleh Kerajaan dan langkah kawal selia yang menumpukan kepada menangani impak krisis kewangan global dan menangani isu kestabilan kewangan.

Sejajar dengan inisiatif serantau untuk mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan masing-masing, Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (“BNM”) telah mengumumkan pada 16 Oktober 2008 bahawa semua deposit ringgit dan mata wang asing dalam bank perdagangan, bank Islam, bank pelaburan, bank Islam antarabangsa, dan institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan dikawal selia oleh BNM akan diberi jaminan sepenuhnya oleh Kerajaan menerusi PIDM sehingga 31 Disember 2010 (“Jaminan Deposit Kerajaan”). Jaminan Deposit Kerajaan dilanjutkan kepada semua institusi perbankan asing yang diperbadankan di Malaysia.

Jaminan Deposit Kerajaan dilaksanakan sebagai langkah awal dan berjaga-jaga bagi mengekalkan kestabilan sistem kewangan Malaysia dan selaras dengan inisiatif yang diambil oleh negara-negara

jiran. Memandangkan permodalan institusi perbankan Malaysia yang teguh dan kukuh, Jaminan Deposit Kerajaan dijangka tidak akan digunakan.

Peranan PIDM dalam Jaminan Deposit Kerajaan

PIDM dipertanggungjawab untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan dan akan bekerjasama rapat dengan BNM bagi memastikan institusi anggota kami dan institusi kewangan lain yang dijamin tidak terlibat dalam pengambilan risiko yang berlebihan dan kekal mempunyai modal yang mencukupi. Berikutan Jaminan Deposit Kerajaan ini, kami kini perlu memantau lebih banyak institusi kewangan.

Rancangan Kami untuk Masa Hadapan

Hala tuju strategik dan objektif korporat kami kekal terkini dan relevan meskipun dalam tempoh beberapa tahun akan datang akan mendatangkan lebih cabaran bagi PIDM disebabkan persekitaran operasi dan skop tanggungjawab kami yang lebih luas. Sepanjang tempoh ini, kami akan terus membina kapasiti dan keupayaan kami. Kami telah mengenal pasti inisiatif tambahan bagi memastikan kami dapat memenuhi peranan kami secara efektif dalam mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan.

Tumpuan kami semasa tempoh perancangan adalah untuk membangunkan modal insan kami, memantapkan aktiviti penilaian risiko dan pemantauan, memastikan keberkesanan operasi yang berterusan dan kesediaan bagi mengendalikan aktiviti campur tangan dan resolusi kegagalan. Kami juga akan menyesuaikan semula fokus usaha komunikasi kami bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman awam mengenai PIDM serta mengekalkan keyakinan terhadap sistem kewangan.

Kesimpulan

Dalam tempoh tiga tahun, kami telah mencatat kemajuan ketara dalam membina asas untuk menjadi penginsurans deposit amalan terbaik. Kami diurus dan ditadbir dengan baik, dan akan terus menumpukan sumber kami bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan dalam semua bahagian operasi teras.

The page features a solid orange background. On the left and right sides, there are decorative patterns of white lines. These patterns consist of concentric diamond shapes and zig-zagging lines that create a sense of depth and movement. The central text is positioned in the middle of the page, between these two decorative elements.

PENDEKATAN PERANCANGAN KORPORAT KAMI



PENDEKATAN PERANCANGAN KORPORAT KAMI

Rangka Kerja Pengurusan Strategik

Kami telah mengguna pakai rangka kerja pengurusan strategik komprehensif yang menerapkan penilaian risiko utama menggunakan rangka kerja ERM kami. Ini merupakan pendekatan amalan terbaik kepada pengurusan strategik.

Proses perancangan strategik memerlukan kami menimbangkan:

- persekitaran di mana kami beroperasi;
- pengenalpastian dan klasifikasi risiko utama serta kesan-kesannya;
- pengenalpastian pemegang kepentingan dalaman dan luaran kami;
- hasil yang kami ingin capai; dan
- strategi dan inisiatif yang diperlukan untuk menangani risiko dan cabaran yang dihadapi oleh Perbadanan.



Gambar rajah pengurusan strategik kami menjelaskan bagaimana kami telah membangunkan Rancangan Korporat kami serta memperlihatkan rejim pelaporan dan kebertanggungjawapan kami yang mantap, yang melibatkan pemantauan dan pelaporan lazim bagi pencapaian kami berbanding Rancangan Korporat.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi

Sejajar dengan amalan terbaik, proses perancangan kami disepadukan dengan proses ERM. Kami telah mengguna pakai pendekatan ERM bagi mengenal pasti risiko utama yang memberi kesan kepada Perbadanan. Penyepaduan itu membolehkan kami menggariskan hala tuju strategik dan mengutamakan inisiatif mengikut risiko-risiko utama ini.

Proses ERM PIDM



Menerusi proses ERM, kami telah mengenal pasti dan menilai risiko utama yang memberi kesan kepada Perbadanan bagi tempoh perancangan. Kami juga telah menjalankan penilaian ke atas kekuatan dan kelemahan kami, serta peluang dan ancaman berkaitan dengan risiko utama yang telah dikenal pasti. Ini telah dirangka untuk merumuskan pelan tindakan bagi menangani dan mengurangkan risiko-risiko ini. Ia juga membentuk asas bagi hala tuju strategik kami dan inisiatif utama yang akan dijalankan.

Teras Strategik

Kami mengekalkan empat teras strategik utama bagi memenuhi mandat kami. Ia adalah:

Kesediaan Operasi

Kesediaan dalam memenuhi peranan kami sebagai penginsurans deposit. Ini termasuk melengkapkan kakitangan dengan kemahiran dan kepakaran yang perlu, melaksanakan sistem dan proses untuk peka kepada peristiwa yang memberi kesan kepada PIDM, institusi anggota kami dan institusi kewangan lain yang dijamin, serta mempunyai kapasiti dan keupayaan untuk menjangka, menilai dan mengurus secara aktif risiko terhadap dana insurans deposit, bagi memenuhi mandat kami.

Amalan Urus Niaga dan Kewangan yang Mantap

Memastikan bahawa kami melaksanakan amalan urus niaga dan kewangan yang mantap untuk menunjukkan bahawa kami ditadbir dan diurus dengan baik. Ini termasuk melaksanakan rangka kerja kebertanggungjawapan dan rejim pendedahan dan pelaporan yang kukuh.

Kesedaran Awam yang Efektif

Mewujudkan program kesedaran awam dan pendidikan yang mantap bagi menjelaskan manfaat dan batasan sistem insurans deposit.

Perkongsi yang Kukuh

Bekerjasama secara efektif dengan rakan kongsi kami – institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin, pengawal selia dan penyedia perkhidmatan – bagi membantu mencapai mandat kami. Ini termasuk bekerjasama dengan rakan kongsi kami secara rundingan dan telus serta mengenal pasti cara untuk mengurangkan beban pentadbiran kepada institusi anggota kami.

Objektif Korporat

Objektif korporat kami adalah berdasarkan empat perspektif:



- **Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik**

Kami akan menunjukkan bahawa kami ditadbir dan diurus dengan baik menerusi pengelolaan urus niaga kami dan pematuhan tadbir urus korporat yang mantap serta mengamalkan pengurusan risiko organisasi dan amalan kawalan dalaman yang efektif.

- **Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat**

Pemegang kepentingan yang bermaklumat adalah penting bagi memastikan keberkesanan sistem insurans deposit. Kami akan terus berinteraksi dengan semua pemegang kepentingan menerusi program kesedaran dan pendidikan awam serta mendapatkan pandangan pemegang kepentingan secara ekstensif apabila merangka polisi dan peraturan kami.

- **Perkongsian efektif**

Berdasarkan model urus niaga kami, perkongsian yang efektif adalah kritikal bagi memenuhi mandat kami. Kami akan terus bekerjasama rapat dengan institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin, badan kawal selia, penginsurans deposit lain dan penyedia perkhidmatan utama agar kami dapat mencapai objektif dan inisiatif kami dengan efektif dan efisien.



- **Penggunaan sumber yang optimum**

Sebagai badan awam yang bertanggungjawab kepada pemegang kepentingan, kami akan menggunakan sumber secara optimum menerusi pengelolaan kewangan berhemat serta menguruskan dan menggunakan aset, modal insan dan harta intelek dengan wajar.



- **Kecemerlangan operasi**

Bagi memupuk keyakinan serta mentadbir sistem insurans deposit kami dan juga Jaminan Deposit Kerajaan dengan efektif, kami akan terus melaksana dan mengekalkan polisi, sistem, proses dan prosedur semasa yang mantap berdasarkan amalan terbaik domestik dan antarabangsa yang relevan. Kami akan membina kapasiti dan keupayaan bagi memastikan peranan dan tanggungjawab kami dapat dijalankan.



- **Tenaga kerja yang berpengetahuan dan kompeten**


Kakitangan kami merupakan aset yang paling penting. Kami akan menyediakan insentif yang sewajarnya untuk menarik dan mengekalkan kakitangan yang mempunyai kemahiran pengurusan, pengalaman dan sikap yang sesuai. Perbadanan komited untuk menyediakan peluang latihan dan pembangunan berterusan kepada kakitangan bagi memenuhi potensi penuh mereka.

- **Persekitaran korporat yang kondusif**

Persekitaran korporat yang kondusif boleh membawa kepada kepuasan kakitangan dan prestasi kerja yang tinggi. Kami akan memupuk budaya korporat dan nilai-nilai yang kondusif serta menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan bebas daripada gangguan.

Peta Strategi dan Prestasi Korporat

Peta strategi berikut menggambarkan hubungan antara mandat, teras strategik dan objektif korporat kami.





PENCAPAIAN KAMI
PADA 2008



PENCAPAIAN KAMI PADA 2008

Sepanjang tahun 2008, tumpuan kami adalah untuk membina kesediaan operasi kami menerusi pembangunan kapasiti dan pengurusan pengetahuan. Kami juga meneruskan pelaksanaan inisiatif membangunkan pasukan kepimpinan yang mantap, meningkatkan pengurusan hubungan serta memupuk budaya korporat yang kukuh. Inti pati pencapaian kami ialah:

A. Perspektif Pemegang Kepentingan

- Kami mengekalkan rejim kebertanggungjawapan yang mantap dan hubungan kerja yang efektif dengan Lembaga Pengarah kami. Kami melaksanakan pelan pelapis pengurusan berdasarkan rangka kerja yang diluluskan dan juga mengendalikan tiga sesi pendidikan Lembaga Pengarah pada tahun ini.
- Kami meneruskan pelaksanaan pengurusan dan kawalan risiko sejajar dengan rangka kerja ERM dan kawalan dalaman kami. Kami telah melaksanakan struktur tadbir urus ERM termasuk penubuhan Jawatankuasa ERM serta Jawatankuasa Kerja Perancangan dan ERM. Kami juga mengendalikan bengkel kerja ERM secara korporat dan melaksanakan proses pengauditan berasaskan risiko.
- Kami terus mempromosikan PIDM dan menjalin perkongsian efektif menerusi penganjuran Seminar Insurans Deposit Islam dan sesi perkongsian pengetahuan dengan pemegang kepentingan utama termasuk BNM, pengawal selia lain, persatuan dan penginsurans deposit lain.
- Kami meneruskan pelaksanaan inisiatif Rancangan Komunikasi Bersepadu kami yang termasuk kempen pengiklanan, perhubungan awam, program kesedaran dan pendidikan. Kami menyertai pelbagai persidangan, pameran dan jerayawara domestik dan antarabangsa.
- Kami melancarkan beberapa siri usaha publisiti sepanjang tahun termasuk peraduan kesedaran awam "PIDM & Anda". Peraduan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan lebih 1.6 juta penyertaan menerusi SMS, *online* dan borang peraduan yang diterbitkan di dalam akhbar-akhbar daripada 25,000 peserta dari seluruh negara.
- Kami terus mengekalkan hubungan usaha sama yang baik dengan BNM dan badan Kerajaan yang relevan, institusi anggota, penyedia perkhidmatan dan penginsurans deposit lain.
- Bersama dengan BNM, kami membangun dan melaksanakan Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan. Objektif program ini adalah untuk mengukuhkan tadbir urus korporat institusi kewangan Malaysia.
- Pada tahun ini, PIDM dicalonkan bagi anugerah kecemerlangan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa ("IADI"); satu daripada hanya dua penginsurans deposit di dunia yang dicalonkan.

B. Perspektif Kewangan

- Kami terus mengamalkan pendekatan perancangan kewangan berhemat. Semua inisiatif kami pada 2008 dilaksanakan mengikut sasaran dan pelan kewangan yang telah diluluskan.
- Kami menyemak semula dan memantapkan sistem pemantauan dan pelaporan bajet kami.
- Kami terus memantau kedudukan kewangan kami setiap bulan. Kami juga melapor kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah setiap suku tahun.

C. Perspektif Proses Dalaman

- Kami terus memantapkan keupayaan kami dalam banyak bahagian operasi menerusi peningkatan polisi, proses dan prosedur operasi yang kritikal secara berterusan.
- Kami mengeluarkan dan melaksanakan Peraturan-peraturan Sistem Premium Berbeza (“DPS”) dan Peraturan-peraturan Terma dan Syarat Keanggotaan. Kami juga mengeluarkan Garis Panduan bagi Penyata Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Pengecualian di bawah Seksyen 80(h) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Perjanjian atau Transaksi Kewangan).
- Kami melaksanakan proses pengesahan luaran bagi Penyata Jumlah Deposit Diinsuranskan dan maklumat DPS.
- Kami mengukuhkan metodologi penilaian risiko dan pemantauan menerusi pelaksanaan Sistem Penilaian Risiko dan DPS. Kami juga telah membangunkan Rangka Kerja Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan dan memulakan pembangunan Sistem Pembayaran Semula Deposit.
- Kami meningkatkan lagi sistem Teknologi Maklumat (“IT”) bagi memperkasakan pengguna dan untuk keberkesanan operasi. Kami terus melaksanakan rangka kerja, polisi dan prosedur tadbir urus IT dan sistem operasi utama telah dikenal pasti.
- Kami mula membangunkan Rangka Kerja Pengurusan Pengetahuan dan Pelan Kesenambungan Urus Niaga dan Pemulihan Bencana.
- Kami mula membangunkan rangka kerja urusan pembiayaan dengan Kerajaan.
- Kami terus memantau inisiatif kami setiap bulan. Ini memastikan tumpuan dan penyelarasan dalam semua bahagian dan kejayaan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (“PPU”). Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah menerima laporan terkini mengenai prestasi berbanding Rancangan setiap suku tahun.

D. Perspektif Pembelajaran dan Pembangunan

- Kami meneruskan usaha untuk membangunkan kakitangan kami menerusi analisis keperluan latihan yang menyeluruh dan rancangan pembangunan khusus bagi setiap kakitangan. Keberkesanan pembelajaran dan pembangunan akan dinilai menerusi pelbagai platform yang telahpun dilaksanakan dalam organisasi.
- Kami membangun dan melaksanakan rangka kerja pengurusan bakat dan model kecekapan. Rangka kerja dan model ini bertujuan untuk memantapkan pengalaman dan keberkesanan pembelajaran dan pembangunan kakitangan.
- Kami memulakan pelaksanaan perancangan tenaga pelapis berdasarkan rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi jawatan utama.
- Kami menjalankan kaji selidik kepuasan kerja kakitangan bagi menilai tahap kepuasan kerja kakitangan dan sasaran kami adalah untuk mencapai minimum 75% indeks kepuasan kerja. Pelan tindakan akan dibangunkan bagi menangani sebarang jurang yang mungkin timbul daripada kajian ini.
- Kami terus memperkukuhkan nilai korporat dan budaya prestasi kami menerusi pelbagai program berkaitan kakitangan seperti Minggu Modal Insan, Hari Keluarga dan Majlis Makan Malam Tahunan.

Imbasan Scorecard Korporat 2008

G	Berjalan lancar seperti yang dijadualkan; dan/atau dalam lingkungan bajet
A	Sasaran dicapai/Inisiatif disempurnakan
Y	Belum dimulakan/Tarikh bermula di masa hadapan
R	Sasaran tidak dicapai/Lewat berbanding jadual; dan/atau di bawah sasaran; dan/atau $>\pm 10\%$ (tahun penuh) perbezaan bajet

OBJEKTIF KORPORAT		PETUNJUK PRESTASI UTAMA ("PPU")		SASARAN 2008	KEPUTUSAN UNJURAN DIS 2008		
PEMEGANG KEPENTINGAN	A	Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	1	Penilaian Lembaga Pengarah terhadap: a. Pelaksanaan amalan tadbir urus terbaik b. Guna pakai amalan pengurusan c. Pematuhan terhadap polisi penting d. Maklumat terkini dan relevan serta kualiti cadangan yang disyorkan oleh Pengurusan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan dengan berkesan dan memenuhi tanggungjawab	Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi 100% Kepuasan tinggi	A A A A	
			2	Berinteraksi dengan pemegang kepentingan yang lain dan responsif terhadap keperluan mereka	Tindakan ke atas maklum balas diterima	A	
			3	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Membangun dan melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi ("ERM"): i. Fasa 4 – Penilaian dan kajian semula risiko secara berterusan ii. Polisi dan amalan ERM iii. Rangka kerja penilaian keberkesanan ERM b. Membangun dan melaksanakan pengauditan berasaskan risiko c. Melaksanakan Rangka Kerja Kawalan Dalaman d. Melaksanakan Rancangan Pelapis Pengurusan bagi Lembaga Pengarah	Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan Dibangunkan & dilaksanakan Disempurnakan Disempurnakan	A A A A A A	
	B	Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	4	Indeks kesedaran awam (kesedaran umum tentang insurans deposit)	35%	1	
			5	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Mengkaji semula dan melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu: i. Melaksanakan program pengiklanan ii. Melaksanakan program perhubungan awam iii. Melaksanakan program interaksi dengan pemegang kepentingan b. Membangun dan melaksanakan program pendidikan c. Membangun dan melaksanakan program biasiswa	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Dibangunkan Dibangunkan	A A A A A	
			6	Hubungan PIDM dengan: a. Bank Negara Malaysia b. Institusi anggota c. Penyedia perkhidmatan d. Penginsurans deposit antarabangsa	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh	A A A A	
	C	Perkongsian efektif	7	Menyertai forum antarabangsa	Penyertaan aktif	A	
			8	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Mewujudkan pangkalan rakan kongsi strategik b. Menganjurkan seminar insurans deposit	Dibangunkan Disempurnakan	A A	
	KEWANGAN	D	Penggunaan sumber yang optimum	9	Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding dengan bajet yang diluluskan	-10% perbezaan +20% perbezaan	2
				10	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Membangun dan melaksanakan rangka kerja peruntukan b. Membangunkan rangka kerja dan proses urusan pembiayaan	Pembangunan berterusan menjangkau beberapa tahun Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan	G G ³
PROSES DALAMAN	E	Kecemerlangan operasi	11	Pematuhan Kawalan Dalaman	Kukuh	A ⁴	
			12	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Membangun dan melaksanakan Sistem Premium Berbeza ("DPS"): i. Peraturan-peraturan DPS ii. Rangka Kerja/Garis Panduan DPS mengenai Penyata Jumlah Deposit Diinsuranskan b. Membangun dan melaksanakan Rangka Kerja Penilaian Risiko dan Pemantauan yang komprehensif: i. Fasa 2 - Peningkatan	Dilaksanakan Dilaksanakan & kajian semula Pembangunan berterusan	A A G	

OBJEKTIF KORPORAT		PETUNJUK PRESTASI UTAMA ("PPU")		SASARAN 2008	KEPUTUSAN UNJURAN DIS 2008
			c. Membangun dan melaksanakan Rangka Kerja Campur Tangan dan Resolusi yang komprehensif:	Pembangunan berterusan	G
			i. Fasa 2 – Membangunkan metodologi, polisi, proses dan kriteria resolusi yang khusus	Pembangunan berterusan	G
			d. Membangun dan melaksanakan simulasi pengurusan krisis	Pembangunan berterusan	G
			e. Membangunkan Manual Komunikasi Krisis		
			f. Membangun dan melaksanakan Sistem Pembayaran Semula Deposit:	Pembangunan berterusan	G
			i. Fasa 1 – Membangunkan Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Pengurusan Hubungan Dengan Pendeposit		
			g. Membangun dan melaksanakan polisi dan peraturan insurans deposit:		
			i. Garis panduan/peraturan faedah dan dividen boleh dibayar	Disempurnakan	A
			- Membangunkan rangka kerja (kertas konsep)	Pembangunan berterusan	G
			- Membangunkan kertas rundingan		
			ii. Hubungan kontraktual antara PIDM dengan bank-bank yang menjalankan aktiviti perbankan Islam	Disempurnakan	G ⁵
			- Membangun dan mengeluarkan pekeliling	Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan	G
h. Membangun dan melaksanakan Pelan Kesenambungan Urus Niaga dan Pemulihan Bencana					
i. Melaksanakan pelan peningkatan infrastruktur IT:					
i. Fasa 4 – Usaha sama: peningkatan teknologi dan memperkasakan pengguna	Disempurnakan	A			
ii. Fasa 4 – Pelaksanaan pelan peningkatan infrastruktur IT	Disempurnakan	A			
j. Melaksanakan sistem urus niaga utama	Disempurnakan	A			
k. Membangun dan melaksanakan Rangka Kerja dan Sistem Pengurusan Pengetahuan	Perkembangan berterusan	G			
PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN	F	Tenaga kerja yang berpengetahuan dan kompeten	13	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:	
			a. Membina kecekapan kakitangan:	Disempurnakan	A
			i. Mengkaji semula dan melaksanakan pelan latihan tahunan	Dibangunkan	A
			ii. Mengetahui pasti, membangun dan melaksanakan peluang silang-fungsi	Dibangunkan	A
			iii. Mengetahui pasti, membangun dan melaksanakan instrumen pembelajaran dan penilaian yang sesuai	Dibangunkan	A
			b. Membangun dan melaksanakan rangka kerja pengurusan bakat	Dibangunkan	A
		c. Membangun dan melaksanakan perancangan tenaga pelapis berdasarkan rangka kerja yang diluluskan	Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan	A	
G	Persekitaran korporat yang kondusif	14	Indeks kepuasan kerja kakitangan	75%	G ⁶
		15	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
		a. Mengkaji semula dan melaksanakan program pengiktirafan dan ganjaran	Disempurnakan	A	
		b. Membangun dan melaksanakan pelan tindakan ke atas keputusan kaji selidik indeks kepuasan kerja kakitangan	Tindakan penilaian dijalankan	A	
		c. Mengkaji semula, membangun dan melaksanakan program yang selamat, sihat dan bebas-gangguan.	Dibangunkan & dilaksanakan	A	

Nota

- Tahap kesedaran mengenai insurans deposit pada tahun 2008 meningkat kepada 27% (2007: 15%, 2006: 13%) dan tahap kesedaran mengenai PIDM meningkat kepada 32% (2007: 12%, 2006: 4%). Walaupun ini di bawah sasaran yang digariskan dalam *scorecard*, ia mencerminkan kenaikan ketara daripada tahun sebelumnya. Bagi tempoh perancangan 2009-2011, kami telah menyesuaikan semula fokus usaha komunikasi kami dan menyemak semula sasaran memandangkan pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan dan perubahan dalam persekitaran operasi.
- Kami telah mencapai sasaran tidak melebihi bajet bagi perbelanjaan operasi dan modal. Bagaimanapun, lebih bersih kami berada di bawah bajet berikutan kekurangan dalam pendapatan premium. Sila rujuk muka surat 15 dan 16 untuk butiran lanjut.
- Inisiatif ini telah diberikan keutamaan semula bagi tempoh perancangan 2009-2011 memandangkan perkembangan terbaru dalam persekitaran operasi.
- Berdasarkan bahagian yang diaudit oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan.
- Menunggu maklum balas daripada Majlis Penasihat Syariah yang disasarkan bagi Disember 2008.
- Kaji selidik kepuasan kerja kakitangan akan dijalankan pada Disember 2008. Keputusan kaji selidik dijangka diperoleh pada Januari 2009.

Inisiatif tidak dirancang tetapi disempurnakan pada 2008:

- Melaksanakan proses pengesahan luaran bagi Penyata Jumlah Deposit Diinsuranskan dan maklumat DPS.
- Membangun dan melaksanakan Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan bersama dengan BNM.
- Membangun dan melaksanakan rangka kerja bagi mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan.

Kewangan 2008: Unjuran berbanding Bajet

A. Keputusan Operasi

	<u>2008</u>	<u>2008</u>	<u>Perbezaan</u>	
	<u>Unjuran*</u>	<u>Bajet</u>	<u>RM'000</u>	<u>(%)</u>
<u>Pendapatan</u>				
Premium	90,000	120,000	(30,000)	(25)
Pelaburan	8,800	8,000	800	10
Jumlah Pendapatan	98,800	128,000	(29,200)	(23)
<u>Perbelanjaan Operasi</u>				
Kakitangan	20,600	24,500	3,900	16
Am dan Pentadbiran	7,500	12,500	5,000	40
Komunikasi	6,900	8,000	1,100	14
Jumlah Perbelanjaan Operasi	35,000	45,000	10,000	22
Lebihan Bersih	63,800	83,000	(19,200)	(23)

B. Perbelanjaan Modal

	<u>2008</u>	<u>2008</u>	<u>Perbezaan</u>	
	<u>Unjuran*</u>	<u>Bajet</u>	<u>RM'000</u>	<u>(%)</u>
<u>Perbelanjaan Modal</u>				
Perabot, Kelengkapan dan Ubah Suai Pejabat	380	400	20	5
Sistem Komputer dan Peralatan Pejabat	6,000	15,210	9,210	61
Jumlah Perbelanjaan Modal	6,380	15,610	9,230	59

*2008 Unjuran = Sebenar (Jan-Okt 2008) + Unjuran (Nov-Dis 2008)

C. Ulasan Prestasi Kewangan 2008

Keputusan Operasi

Bagi akhir tahun 2008, kami mengunjurkan jumlah pendapatan sebanyak RM98.8 juta, perbelanjaan operasi RM35.0 juta dan lebih RM63.8 juta. Unjuran lebih ialah RM19.2 juta atau 23% lebih rendah berbanding bajet.

Pendapatan

- Pendapatan premium untuk tahun ini ialah RM90.0 juta atau 25% lebih rendah berbanding bajet. Pengurangan dalam pendapatan premium disebabkan terutamanya penarafan DPS yang lebih baik hasil daripada penambahbaikan dalam skor kuantitatif anggota dan penarafan penyeliaan yang dikeluarkan oleh BNM dan hasil daripada pelarasan peralihan yang diguna pakai bagi kiraan DPS 2008.
- Kami menjangka mencapai pendapatan pelaburan dibajetkan bagi tahun ini dengan jangkakan pulangan purata pelaburan sebanyak 3.5%.

Perbelanjaan Operasi

- Jumlah perbelanjaan operasi sehingga 31 Disember 2008 diunjurkan sebanyak RM35.0 juta, iaitu RM10.0 juta lebih rendah berbanding bajet.
- Perbezaan positif RM3.9 juta atau 16% bagi kos kakitangan disebabkan terutamanya pengaturan masa pengambilan pekerja. Bajet latihan kami juga tidak digunakan sepenuhnya pada tahun ini.
- Bagi kos Am dan Pentadbiran, perbezaan positif sebanyak RM5.0 juta atau 40% disebabkan kos susut nilai lebih rendah hasil daripada pengaturan masa pembelian aset berbanding pelan perbelanjaan modal kami, terutamanya bagi pembangunan sistem berkaitan IT. Ia juga disebabkan pengaturan masa permulaan bagi beberapa aktiviti yang dibajetkan, termasuk pengambilan perkhidmatan pakar runding dan pelaksanaan peningkatan IT secara keseluruhan.
- Kami memperuntukkan RM8.0 juta bagi inisiatif komunikasi pada 2008. Walau bagaimanapun, kami mengunjurkan jumlah kos sebanyak RM6.9 juta yang 14% lebih rendah berbanding bajet. Keseluruhan perbezaan yang positif itu adalah hasil daripada pengaturan masa aktiviti berkaitan dengan perundingan dan aktiviti perhubungan awam serta pembatalan program pengiklanan kami susulan pengumuman Jaminan Deposit Kerajaan.

Perbelanjaan Modal

- Perbelanjaan modal kami dijangka sebanyak RM6.4 juta yang jauh lebih rendah berbanding bajet. Perbezaan 59% itu disebabkan pengutamaan semula pelaksanaan sistem urus niaga IT dan penjadualan semula beberapa inisiatif disebabkan perubahan dalam persekitaran operasi. Kami juga memperoleh penjimatan kos ketara dalam Sistem Pembayaran Semula Deposit – Fasa 1 berjumlah kira-kira RM4.0 juta. Dana yang diperuntukkan bagi Portal Enterpris Korporat dan Sistem Repositori Produk dijangka digunakan pada 2009.

Pada keseluruhannya, kami berjaya mencapai inisiatif Rancangan Korporat utama kami bagi tahun ini berdasarkan sasaran dan pelan kewangan yang telah diluluskan.



RANCANGAN KAMI
UNTUK MASA HADAPAN



RANCANGAN KAMI UNTUK MASA HADAPAN

Persekitaran Operasi

Kami telah mempertimbangkan persekitaran operasi kami dengan mengkaji aliran dan perkembangan global dan domestik serta menggunakan pendekatan ERM kami bagi mengenal pasti dan menilai sebarang risiko utama yang berpotensi memberi kesan kepada PIDM.

Sepanjang tahun ini, keseluruhan persekitaran operasi mengalami perubahan besar, dengan isu-isu yang mencabar dalam pasaran dan persekitaran luar. Perubahan dalam landskap kewangan global baru-baru ini telah menjana beberapa siri langkah oleh Kerajaan dan langkah kawal selia yang menumpukan kepada menangani impak krisis kewangan global dan isu kestabilan kewangan.

Jaminan Deposit Kerajaan

Sejajar dengan inisiatif serantau untuk mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan masing-masing, Kementerian Kewangan dan BNM pada 16 Oktober 2008 telah mengumumkan bahawa semua deposit ringgit dan mata wang asing dalam bank perdagangan, bank Islam, bank pelaburan, bank Islam antarabangsa, dan institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan di bawah kawal selia BNM akan diberi jaminan sepenuhnya oleh Kerajaan menerusi PIDM sehingga 31 Disember 2010. Jaminan Deposit Kerajaan dilanjutkan kepada semua institusi perbankan asing yang diperbadankan di Malaysia.

Jaminan Deposit Kerajaan disediakan sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengekalkan kestabilan sistem kewangan Malaysia dan mengikuti inisiatif yang diambil oleh pihak berkuasa negara-negara jiran. Memandangkan permodalan institusi perbankan Malaysia yang teguh dan kukuh, Jaminan Deposit Kerajaan dijangka tidak akan digunakan.

Peranan PIDM dalam Jaminan Deposit Kerajaan

PIDM dipertanggungjawabkan untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan dan akan bekerjasama rapat dengan BNM bagi memastikan institusi anggota kami dan institusi kewangan lain yang dijamin tidak terlibat dalam pengambilan risiko yang berlebihan dan mempunyai modal yang mencukupi. Dengan adanya Jaminan Deposit Kerajaan, kami kini perlu memantau lebih banyak institusi kewangan.

Kami akan terus menggalakkan amalan pengurusan risiko yang mantap termasuk pengekalan penimbal modal yang kukuh.


Kesan kepada PIDM

Meskipun keseluruhan persekitaran operasi telah mengalami perubahan yang besar, dengan kemunculan isu-isu yang mencabar, kami menjangka tidak akan dipanggil untuk campur tangan dalam hal ehwal institusi anggota atau institusi kewangan lain yang dijamin yang bermasalah semasa tempoh perancangan ini. Jaminan Deposit Kerajaan juga dijangka tidak akan digunakan kerana institusi kewangan kami mempunyai modal yang mencukupi dengan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan keyakinan pendeposit kekal utuh. Bagaimanapun, kami tetap sentiasa berjaga-jaga terhadap sebarang risiko dan cabaran yang boleh muncul dalam sistem kewangan Malaysia dan akan terus menilai dan memantau dengan rapat risiko yang membawa kesan kepada institusi anggota kami dan institusi kewangan lain yang dijamin.

Risiko Utama

Di PIDM, kami terus memantau risiko utama kami dan memberi laporan secara berkala mengenai aktiviti ERM kami.

Menerusi proses ERM, kami telah mengenal pasti dan menilai risiko utama yang memberi kesan kepada PIDM bagi tempoh perancangan seperti yang ditunjukkan dalam Peta Risiko di bawah. Inisiatif dan pelan tindakan yang khusus telah dibangunkan sebagai sebahagian daripada Rancangan Korporat kami untuk menangani risiko-risiko penting ini.



Risiko Utama Yang Memberi Kesan Kepada PIDM pada 2008

Risiko utama yang memberi kesan kepada PIDM semasa tempoh perancangan ini ialah:

- 1) *Tahap kesedaran awam yang rendah mengenai sistem insurans deposit dan salah faham tentang peranan PIDM*
Keyakinan awam adalah penting bagi mengekalkan sistem kewangan yang stabil. Orang awam yang tidak bermaklumat meningkatkan kemungkinan berlakunya pengeluaran deposit secara besar-besaran daripada bank dan perkara-perkara lain yang mungkin menjejaskan kestabilan kepada sistem kewangan. Meskipun tahap kesedaran tidak mencapai tahap yang disasarkan pada 2007, pemahaman mengenai sistem insurans deposit telah meningkat. Keputusan Kaji Selidik Kesedaran Awam telah membantu kami mengkhususkan program komunikasi kami kepada segmen penduduk yang berbeza.
- 2) *Kesediaan kemahiran dan pengalaman insurans deposit*
Kakitangan merupakan aset terpenting kami dan justeru itu, salah satu bahagian tumpuan utama dalam hala tuju strategik kami bagi tempoh perancangan 2009-2011 ialah pembangunan modal insan. Keupayaan kami untuk menarik, membangun, meningkat dan mengekalkan kumpulan kakitangan yang cekap dan mahir adalah penting bagi memastikan kesediaan operasi.
- 3) *Pendedahan maklumat sulit*
Berbanding tahun 2007, PIDM mempunyai lebih akses kepada maklumat terperinci mengenai institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin dan telah membangunkan lebih banyak dokumen dan sistem utama. Justeru itu, adalah penting untuk mempunyai polisi, prosedur dan sistem yang wajar bagi mengekal, menyimpan dan melindungi kerahsiaan maklumat.
- 4) *Pembangunan polisi, sistem, amalan dan proses dalam operasi teras kami dan kesediaan untuk campur tangan dalam institusi dijamin yang bermasalah*
Kami sedang membangunkan polisi, sistem, amalan dan proses kami dalam bahagian operasi teras, khususnya dalam bahagian campur tangan dan resolusi kegagalan.
- 5) *Kesinambungan urus niaga*
Kami sedang dalam proses membangunkan Pelan dan infrastruktur Kesinambungan Urus Niaga dan Pemulihan Bencana yang komprehensif. Sebelum projek ini selesai, keupayaan kami untuk bertindak dengan efektif sekiranya berlaku bencana besar mungkin terjejas.
- 6) *Persekitaran luaran*
Kami menyedari bahawa PIDM beroperasi dalam persekitaran yang semakin mencabar. Kami memantau risiko dengan rapi dan mengkaji kemungkinan impak kepada kestabilan kewangan, institusi anggota kami dan institusi kewangan lain yang dijamin.

Selain risiko yang dikenal pasti semasa proses ERM, pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan memberi risiko tambahan kepada Perbadanan seperti risiko bahaya moral. Risiko bahaya moral adalah risiko berkaitan kemungkinan institusi kewangan dijamin mengambil risiko berlebihan kerana mereka dilindungi daripada kesan negatif menerusi Jaminan Deposit Kerajaan.

Jaminan Deposit Kerajaan juga memberi kesan kepada pendedahan risiko semasa Perbadanan seperti risiko strategik dan tadbir urus, risiko insurans, risiko reputasi, risiko kewangan dan risiko operasi di pelbagai tahap. Pelan tindakan bagi menangani risiko tersebut telah diterapkan ke dalam inisiatif utama kami seperti yang dipaparkan dalam Rancangan Korporat kami.

Andaian Perancangan Utama

Berdasarkan kajian semula persekitaran operasi, kami telah menggariskan andaian perancangan utama yang berikut:

- Mandat kami kekal terkini dan relevan. Bagaimanapun, skop tanggungjawab kami kini lebih luas berikutan pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan.
- Peningkatan berterusan rangka kerja pengawalseliaan untuk menyokong kestabilan sistem kewangan. PIDM akan mengusulkan pindaan perundangan untuk mendapat keupayaan yang lebih besar dalam urusan Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan.
- Persaingan pasaran dan pengembangan perniagaan menerusi pemerolehan antarabangsa akan memberi kesan kepada institusi anggota kami dan institusi kewangan lain yang dijamin.
- Keanggotaan dalam PIDM kekal stabil tetapi berikutan Jaminan Deposit Kerajaan, bilangan institusi yang dijamin oleh PIDM meningkat.
- Penyederhanaan ekonomi tidak dijangka memberi kesan kepada daya tahan sistem kewangan dan institusi anggota kami serta institusi kewangan lain yang dijamin. Justeru itu, kami tidak menjangkakan sebarang aktiviti campur tangan atau resolusi kegagalan.
- Tahap kesedaran awam dan pemahaman sistem insurans deposit di Malaysia sedang meningkat.
- Pendapatan premium bagi tahun taksiran 2009 akan dipengaruhi oleh faktor-faktor berikut:
 - Profil risiko DPS institusi anggota bagi tahun taksiran 2009 tidak dijangka berubah dengan ketara.
 - Tahap deposit diinsuranskan dijangka terus meningkat.
- Pasaran pekerjaan akan kekal dinamik dan bertambah sulit disebabkan kekurangan kemahiran khusus yang berkaitan dengan PIDM.
- Model urus niaga kami tidak akan berubah dan kami akan terus bergantung kepada pasukan kakitangan yang kecil disokong oleh program penyumberan luar dan penyumberan bersama, hubungan baik dengan pemegang kepentingan utama serta infrastruktur, proses dan sistem yang efektif.
- PIDM akan mengenakan fi bagi perlindungan deposit tambahan yang berpunca daripada Jaminan Deposit Kerajaan, yang akan dibayar kepada Kerajaan.

Hala Tuju Strategik bagi 2009-2011

Tempoh beberapa tahun akan datang akan mendatangkan lebih cabaran bagi PIDM berpunca daripada persekitaran operasi dan skop tanggungjawab kami yang semakin luas. Bagaimanapun, hala tuju strategik dan objektif korporat kami kekal terkini dan relevan. Semasa tempoh ini, kami akan terus membina kapasiti dan keupayaan kami. Kami telah mengenal pasti inisiatif tambahan bagi memastikan kami dapat memenuhi peranan kami secara efektif dalam mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan.

Hala tuju strategik kami bagi tempoh perancangan 2009-2011 akan ditumpukan kepada:

- Membangunkan modal insan kami;
- Memantapkan aktiviti penilaian risiko dan pemantauan;
- Memastikan keberkesanan operasi yang berterusan;
- Membangunkan kesediaan bagi mengendalikan aktiviti campur tangan dan resolusi kegagalan; dan
- Menyesuaikan semula fokus usaha komunikasi kami bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman awam tentang PIDM serta mengekalkan keyakinan terhadap sistem kewangan.

Scorecard Korporat 2009-2011

Sasaran kami adalah untuk mengukur hasil daripada inisiatif kami secara praktikal, dari segi apa yang kami telah capai dan persepsi pemegang kepentingan terhadap prestasi kami. Berdasarkan pendekatan *Balanced Scorecard*, kami telah merangka *Scorecard* Korporat bagi 2009-2011 yang menyenaraikan PPU dan sasaran kami untuk masa hadapan. PPU kami telah diterapkan ke dalam *Scorecard* Korporat 2009-2011 untuk membimbing kami bagi memastikan inisiatif kami disempurnakan dalam tempoh masa dan sasaran yang ditetapkan.



SCORECARD KORPORAT 2009-2011

OBJEKTIF KORPORAT	PETUNJUK PRESTASI UTAMA ("PPU")	SASARAN			
		2009	2010	2011	
PEMEGANG KEPENTINGAN	A Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	1. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap: <ul style="list-style-type: none"> a. Pelaksanaan amalan tadbir urus terbaik b. Guna pakai amalan pengurusan c. Pematuhan terhadap polisi penting d. Keberkesanan polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi ("ERM") e. Maklumat terkini dan relevan serta kualiti cadangan yang disyorkan oleh Pengurusan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan dengan berkesan dan memenuhi tanggungjawab 	Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi 100% Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi	Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi 100% Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi	Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi 100% Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi
		2. Berinteraksi dengan pemegang kepentingan yang lain dan responsif terhadap keperluan mereka	Tindakan ke atas maklum balas diterima	Tindakan ke atas maklum balas diterima	Tindakan ke atas maklum balas diterima
		3. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> a. Menyelenggara Rangka Kerja ERM: <ul style="list-style-type: none"> i. Penilaian dan kajian semula risiko secara berterusan ii. Polisi dan amalan Risiko Lembaga ERM iii. Rangka kerja penilaian keberkesanan ERM b. Melaksanakan Rangka Kerja Jaminan Deposit Kerajaan 	Kajian semula Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan & dilaksanakan Dilaksanakan	Kajian semula Kajian semula Kajian semula Dilaksanakan	Kajian semula Kajian semula Kajian semula
	B Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	4. Indeks Kesedaran Awam (kesedaran umum mengenai insurans deposit)	30%	35%	40%
		5. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> a. Mengkaji semula dan melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu (termasuk memenuhi objektif Jaminan Deposit Kerajaan): <ul style="list-style-type: none"> i. Melaksanakan program pengiklanan ii. Melaksanakan program perhubungan awam iii. Melaksanakan program interaksi dengan pemegang kepentingan b. Membangun dan melaksanakan program pendidikan c. Membangun dan melaksanakan program biasiswa 	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Dilaksanakan Dilaksanakan	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Dilaksanakan Dilaksanakan
	C Perkongsian efektif	6. Hubungan PIDM dengan: <ul style="list-style-type: none"> a. Bank Negara Malaysia b. Institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin c. Penyedia perkhidmatan d. Penginsurans deposit antarabangsa e. Kerajaan 	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Kukuh	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Kukuh	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Kukuh
7. Menyertai forum antarabangsa			Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif
8. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> a. Mewujudkan pangkalan rakan kongsi strategik 			Dibangunkan	Dibangunkan	Dibangunkan
D Penggunaan sumber yang optimum	9. Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding dengan bajet yang diluluskan	-10% perbezaan +15% perbezaan	±10% perbezaan	±10% perbezaan	
	10. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> a. Membangun dan melaksanakan rangka kerja pembiayaan b. Membangun dan melaksanakan rangka kerja bagi: <ul style="list-style-type: none"> i. Dana Sasaran ii. Peruntukan 	Fasa 1 dilaksanakan & Fasa 2 dibangunkan Dibangunkan	Fasa 2 dilaksanakan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan	Dibangunkan & dilaksanakan	



SCORECARD KORPORAT 2009-2011

OBJEKTIF KORPORAT		PETUNJUK PRESTASI UTAMA ("PPU")	SASARAN			
			2009	2010	2011	
PROSES DALAMAN	E	Kecemerlangan operasi	11. Pematuhan Kawalan Dalaman	Kukuh	Kukuh	Kukuh
			12. Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan Dalaman	75%	75%	75%
			13. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> a. Mengkaji semula Garis Panduan DPS dan Jumlah Deposit Diinsuranskan ("TID") b. Membangun dan melaksanakan Rangka Kerja Penilaian Risiko dan Pemantauan yang komprehensif (Fasa 2 - Peningkatan) c. Membangun dan melaksanakan metodologi, polisi, proses dan kriteria Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan d. Membangun dan melaksanakan polisi dan peraturan-peraturan bagi institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin: <ul style="list-style-type: none"> i. Garis panduan/peraturan faedah dan dividen boleh dibayar ii. Polisi lain e. Membangun dan melaksanakan Sistem, polisi dan prosedur Pembayaran Semula Deposit: <ul style="list-style-type: none"> i. Fasa 1 – Membangunkan Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Pengurusan Hubungan Dengan Pendeposit ii. Fasa 2 – Membangunkan Proses dan Sistem Pengurusan Pembayaran Semula Deposit iii. Fasa 3 – Membangunkan Pangkalan Data Deposit Dinamik f. Melaksanakan inisiatif Pelan Strategik IT tahunan g. Membangun dan melaksanakan Pelan Kesenambungan Urus Niaga dan Pemulihan Bencana: <ul style="list-style-type: none"> i. Fasa 1 – Penilaian, Reka Bentuk dan Dokumentasi Pelan ii. Fasa 2 – Latihan, Kesedaran, Ujian, Perancangan Pemulihan Bencana dan Persediaan Kemudahan iii. Fasa 3 – Pelaksanaan, simulasi dan pematuhan infrastruktur tambahan h. Membangunkan Manual Komunikasi Krisis i. Membangun dan melaksanakan Sistem Maklumat Sumber Manusia j. Membangun dan melaksanakan Rangka Kerja dan Sistem Pengurusan Pengetahuan: <ul style="list-style-type: none"> i. Fasa 1 – Membangunkan Rangka Kerja Pengurusan Pengetahuan ii. Fasa 2 – Membangunkan polisi, proses dan infrastruktur Pengurusan Pengetahuan k. Melaksanakan Portal Enterpris Korporat l. Melaksanakan polisi, proses dan infrastruktur Pengurusan Rekod dan Klasifikasi Maklumat m. Kajian semula had perlindungan n. Mengkaji semula dan mengesyorkan pindaan kepada Akta PIDM o. Kajian semula keperluan operasi untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan dengan efektif dan kemudiannya beralih daripada Jaminan Deposit Kerajaan apabila diperlukan 	Kajian semula Dibangunkan Dibangunkan Disempurnakan Disempurnakan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan Disempurnakan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan Fasa 1 dilaksanakan & Fasa 2 dibangunkan Disempurnakan Dibangunkan Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan Dilaksanakan Kajian semula Dilaksanakan Dibangunkan & dilaksanakan	Disempurnakan Dilaksanakan Dibangunkan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan Disempurnakan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan Fasa 2 dilaksanakan & Fasa 3 dibangunkan Dibangunkan Fasa 2 dibangunkan & dilaksanakan Kajian semula Disempurnakan Dilaksanakan & diuji Dibangunkan & dilaksanakan	Kajian semula & dipertingkatkan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan & dilaksanakan Disempurnakan Kajian semula Disempurnakan Fasa 3 dilaksanakan & dipertingkatkan Disempurnakan Kajian semula & dipertingkatkan Dilaksanakan Dilaksanakan & diuji
	F	Tenaga kerja yang berpengetahuan dan kompeten	14. Pelaksanaan rancangan latihan tahunan	80%	80%	80%
			15. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> a. Membangun dan melaksanakan Perancangan Tenaga Pelapis berasaskan Rangka Kerja Pelapis Pengurusan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah 	Dibangunkan & dilaksanakan	Kajian semula & dipertingkatkan	
	G	Persekitaran korporat yang kondusif	16. Indeks kepuasan kerja kakitangan	75%	75%	75%
			17. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> a. Melaksanakan program berkaitan kakitangan untuk menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif 	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan

Rancangan Kewangan

Rancangan Kewangan kami telah dirangka untuk menyokong pencapaian inisiatif bagi tahun 2009 dan adalah seperti yang digariskan di bawah.

A. Bajet Operasi

		2009		2008		2008
		Bajet		Unjuran*		Bajet
Pendapatan	(%)	RM'000	(%)	RM'000	(%)	RM'000
Premium Bersih	93	147,000	91	90,000	94	120,000
Pelaburan	7	11,000	9	8,800	6	8,000
Jumlah Pendapatan	100	158,000	100	98,800	100	128,000
Perbelanjaan Operasi						
Kos Kakitangan	52	27,900	59	20,600	54	24,500
Am dan Pentadbiran	35	19,000	21	7,500	28	12,500
Komunikasi	13	7,100	20	6,900	18	8,000
Jumlah Perbelanjaan Operasi	100	54,000	100	35,000	100	45,000
Lebihan Bersih		104,000		63,800		83,000

B. Bajet Modal

		2009		2008		2008
		Bajet		Unjuran*		Bajet
Perbelanjaan Modal	(%)	RM'000	(%)	RM'000	(%)	RM'000
Perabot, Kelengkapan dan Ubah						
Suai Pejabat	3	480	6	380	3	400
Sistem Komputer dan Peralatan Pejabat	97	15,100	94	6,000	97	15,210
Jumlah Perbelanjaan Modal	100	15,580	100	6,380	100	15,610

*2008 Unjuran = Sebenar (Jan-Okt 2008) + Unjuran (Nov-Dis 2008)

C. Ulasan mengenai Bajet Operasi dan Modal:

Pendapatan

- Pendapatan premium yang dibajetkan bagi tahun 2009 adalah berdasarkan struktur kadar DPS. Pendapatan pelaburan dibajetkan berdasarkan pulangan purata pelaburan sebanyak 3.5%.

Perbelanjaan Operasi

- Kos kakitangan termasuk kos tahunan bagi 70 kakitangan yang dirancang bagi 2009 dan mengambil kira kos pelarasan pasaran yang sejajar dengan polisi penggajian dan manfaat yang telah diluluskan. Kami juga memperuntukkan sumber yang besar bagi program latihan dan pembangunan yang berterusan untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan keupayaan kakitangan kami.
- Kos Am dan Pentadbiran sebahagian besarnya berkaitan dengan kos harian mentadbir operasi kami. Peningkatan bajet ini adalah disebabkan terutamanya sumber yang diperlukan untuk menyokong semua inisiatif utama kami yang telah dikenal pasti bagi tahun 2009.
- Kami akan menyesuaikan semula fokus Rancangan Komunikasi Bersepadu pelbagai tahun untuk meningkatkan tahap kesedaran awam, pemahaman tentang PIDM serta mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan kami. Sumber akan disalurkan untuk menyokong aktiviti-aktiviti ini bagi meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai manfaat sistem insurans deposit.

Perbelanjaan Modal

- Bajet perbelanjaan modal menyokong inisiatif kami berkaitan dengan kesediaan operasi.

D. Lembaran Imbangan Pro Forma

	2009 Bajet Konvensional RM'000	2009 Bajet Islam RM'000	2009 Bajet Jumlah RM'000	2008 Unjuran* Jumlah RM'000	2008 Bajet Jumlah RM'000
ASET					
Tunai dan kesetaraan tunai	5,180	620	5,800	6,600	2,890
Pelaburan	326,740	31,410	358,150	259,000	265,660
Aset lain	2,020	210	2,230	2,000	5,550
Hartanah dan kelengkapan	10,840	5,480	16,320	9,400	22,000
JUMLAH ASET	344,780	37,720	382,500	277,000	296,100
LIABILITI					
Akaun belum bayar	4,780	620	5,400	3,900	3,900
JUMLAH LIABILITI	4,780	620	5,400	3,900	3,900
KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT					
Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam					
Baki awal		26,700	26,700	20,000	20,000
Lebihan bagi tempoh laporan		10,400	10,400	6,700	8,100
		37,100	37,100	26,700	28,100
Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional					
Baki awal	246,400		246,400	189,200	189,200
Lebihan bagi tempoh laporan	93,600		93,600	57,200	74,900
	340,000		340,000	246,400	264,100
JUMLAH KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT	340,000	37,100	377,100	273,100	292,200
JUMLAH LIABILITI DAN KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT	344,780	37,720	382,500	277,000	296,100

*2008 Unjuran = Sebenar (Jan-Okt 2008) + Unjuran (Nov-Dis 2008)

E. Penyata Aliran Tunai Pro Forma

	<u>2009</u> <u>Bajet</u> <u>RM'000</u>	<u>2008</u> <u>Unjuran*</u> <u>RM'000</u>	<u>2008</u> <u>Bajet</u> <u>RM'000</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium bersih daripada institusi anggota	148,000	90,133	120,000
Penerimaan pendapatan pelaburan	9,000	6,000	7,100
Pembayaran semasa beroperasi kepada pembekal dan kakitangan	(46,000)	(42,000)	(38,200)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	111,000	54,133	88,900
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada jualan sekuriti pelaburan	437,000	296,040	352,500
Pembelian sekuriti pelaburan	(536,000)	(345,998)	(424,000)
Pembelian hartanah dan peralatan	(12,800)	(3,000)	(15,610)
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan	(111,800)	(52,958)	(87,110)
Kenaikan/(pengurangan) bersih dalam Tunai dan kesetaraan tunai	(800)	1,175	1,790
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	6,600	5,425	1,100
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	5,800	6,600	2,890

*2008 Unjuran = Sebenar (Jan-Okt 2008) + Unjuran (Nov-Dis 2008)



KESIMPULAN



KESIMPULAN

Halangan Pencapaian Rancangan Korporat

Rancangan ini akan terus mencabar sumber kami hingga kepada hadnya. Namun begitu, dengan adanya tenaga kerja yang cukup berpengetahuan, infrastruktur yang perlu, tumpuan dan komitmen kami, kami yakin dapat melaksanakan serta mencapai matlamat kami.

Bagaimanapun, terdapat perkara tertentu yang boleh menghalang pencapaian Rancangan kami, seperti campur tangan dalam sesebuah institusi anggota atau institusi kewangan lain yang dijamin yang bermasalah, atau kehilangan kakitangan penting. Jika berlaku kegagalan sesebuah institusi anggota semasa tempoh perancangan, kami perlu menyelaraskan semula semua sumber kami untuk menangani masalah ini. Ini boleh menyebabkan perubahan besar dalam hala tuju strategik kami dan banyak inisiatif akan terpaksa ditangguhkan. Kehilangan kakitangan penting juga boleh menyebabkan sebilangan besar inisiatif tertangguh dan tidak dapat dilaksanakan.

Meskipun perkara sedemikian berada di luar kawalan kami, kami akan terus memantau persekitaran operasi bagi memastikan risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian Rancangan tersebut dapat ditangani dan kesannya dapat dikurangkan.

Ringkasan

Sejak kami mula beroperasi pada 2005, kami telah mencapai kemajuan ketara dalam membina asas untuk menjadi penginsurans deposit amalan terbaik. Kami ditadbir dan diurus dengan baik, dan akan terus menumpukan sumber kami bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan kami dalam semua bahagian operasi teras.

Bagi tempoh perancangan 2009-2011, kami akan terus menumpukan kepada pembangunan modal insan serta mempertingkatkan aktiviti kami bagi penilaian risiko dan pemantauan institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin. Kami juga akan meneruskan pembangunan pendekatan, proses dan sistem campur tangan dan resolusi kegagalan kami. Dalam memastikan pengurusan operasi yang efektif, kami akan meneruskan usaha membangunkan polisi, prosedur, sistem dan proses korporat yang efektif. Kami juga akan meneruskan usaha meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman awam mengenai PIDM serta mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan kami.

Tumpuan jangka panjang kami adalah untuk terus membangunkan pasukan kepimpinan yang mantap, meningkatkan pengurusan pemegang kepentingan dan memupuk budaya inovatif yang kukuh dalam mencapai matlamat kami untuk menjadi organisasi yang mampan dan berprestasi tinggi.



LAMPIRAN



LAMPIRAN: MENGENAI PIDM

Perbadanan Kami

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) ialah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (“Akta PIDM”). Peranan utama kami adalah untuk menyediakan perlindungan insurans kepada pendeposit jika berlaku kegagalan sesebuah institusi anggota dan untuk mentadbir sistem insurans deposit.

Sebagai sebahagian daripada sistem jaringan keselamatan kewangan nasional, kami mempunyai kuasa yang luas untuk menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dan menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan.

PIDM melapor kepada Parlimen menerusi Menteri Kewangan. Kami juga dikenali sebagai *Malaysia Deposit Insurance Corporation*, terutamanya dalam konteks antarabangsa.

Mandat Kami

Mandat berkanun kami adalah untuk:

- Mentadbir sistem insurans deposit;
- Menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit;
- Menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- Menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan; dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Lembaga Pengarah

PIDM ditadbir oleh tujuh ahli Lembaga Pengarah, dengan perwakilan yang seimbang. Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas urusan dan hal ehwal Perbadanan. Pengerusi bukan eksekutif mengetuai Lembaga Pengarah manakala perwakilan lain termasuk dua ahli *ex-officio*, iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, seorang Pengarah yang dilantik daripada sektor awam dan tiga Pengarah dengan pengalaman sektor swasta berkaitan dengan seorang daripadanya mempunyai pengalaman sektor perbankan dan kewangan yang relevan. Ketua Pegawai Eksekutif melaksanakan polisi Lembaga Pengarah dan menguruskan hal ehwal harian Perbadanan.



Tan Sri Dato'
Abdul Aziz bin Haji Taha
PENGERUSI



Tan Sri Dato' Sri Dr.
Zeti Akhtar Aziz



Tan Sri Dr.
Wan Abdul Aziz
bin Wan Abdullah



Tan Sri Dr.
Sulaiman bin Mahbob



Tan Sri Dato' Seri
Haji Mohd Azmi bin
Dato' Haji Kamaruddin



Datuk Dr.
Abdul Samad
bin Haji Alias



Encik Michael
Wong Kuan Lee

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif merupakan forum perbincangan mengenai isu-isu berkaitan dengan pengurusan dan operasi harian PIDM. Anggotanya terdiri daripada Ketua-ketua Bahagian dalam PIDM. Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif bertujuan untuk memudahkan komunikasi, kerja sepasukan, keupayaan menyesuaikan diri kepada perubahan dan kerjasama dalam semua bahagian di PIDM, serta bertindak sebagai saluran maklumat kepada semua kakitangan.



Jean Pierre Sabourin
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Md. Khairuddin
bin Haji Arshad
**PENGURUS BESAR, INSURANS,
PENILAIAN RISIKO DAN
PEMANTAUAN**



Wan Ahmad Ikram
bin Wan Ahmad Lotfi
KETUA PEGAWAI KEWANGAN



Lim Yam Poh
**KAUNSEL AM DAN
SETIAUSAHA KORPORAT**



Lai Wai Keen
**PENGURUS BESAR, POLISI DAN
ANTARABANGSA**



S. Loganathan
**PENGURUS BESAR, KOMUNIKASI
DAN HAL EHWAL AWAM**



Siti Zubaidah Haron
**PENGURUS BESAR,
SUMBER MANUSIA**



Noorida Baharuddin
KETUA AUDIT DALAMAN



Lee Yee Ming
KETUA PEGAWAI RISIKO

HUBUNGI KAMI

Untuk maklumat lanjut mengenai PIDM

- Hubungi Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan kami
Talian bebas tol **1-800-88-1266**
8.30 pagi hingga 5.30 petang
Isnin hingga Jumaat
- Layari laman web kami di **www.pidm.gov.my**
- Emel kepada **info@pidm.gov.my**
- Tulis kepada:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
Aras 19, 1 Sentral
Jalan Travers
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Telefon: 603-2173 7436
Faks: 603-2260 7431/7432